

KOLEKSI SOALAN KBAT NOVEL BAHASA MELAYU SPM CEMERLANG A+

Jawapan berdasarkan novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor dan novel Silir Daksina karya Nizar Parman.

** Jawapan mesti ditulis dalam bentuk esei pendek.*

BIL	SOALAN	HALAMAN
1	Peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca	2
2	Peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat	3
3	Peristiwa yang menimbulkan kesedaran	4
4	Peristiwa yang memberikan pengajaran	5
5	Peristiwa yang memaparkan nilai kegigihan	6
6	Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian	7
7	Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian	7
8	Peristiwa yang menggambarkan nilai bantu-membantu	8
9	Peristiwa yang menimbulkan keinsafan	8
10	Peristiwa yang dapat memberikan teladan	9
11	Peristiwa bahagian peleraian yang menarik minat pembaca	10
12	Pandangan anda terhadap pengakhiran cerita	11
13	Nilai kemanusiaan	12
14	Nilai kemasyarakatan	14
15	Nilai kerjasama	15
16	Latar masyarakat penyayang	16
17	Latar masyarakat berani	17
18	Persoalan keberanian	18
19	Pengajaran tentang keprihatinan	19
20	Pengajaran tentang tanggungjawab	19
21	Cara watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapinya	20

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya pelajari ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Dalam novel tersebut, terdapat banyak peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa apabila Farisha di rumah abangnya, Azraai, diberitahu bahawa abangnya menghidap penyakit jantung dan Farisha hanyalah anak angkat. Peristiwa ini menyebabkan saya berasa sedih akan nasib Farisha yang selama ini menyangka bahawa dia ialah anak kandung tetapi rupa-rupanya hanyalah anak angkat keluarga Azraai sahaja.

Selain itu, peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca ialah peristiwa apabila Farisha mendapat tahu bahawa Karl sanggup menanam pelbagai implan dan memberikan pelbagai ubat dalam tubuhnya semasa Farisha masih bayi sebagai bahan uji kajinya. Hal ini demikian kerana Karl mahu menjadikan Farisha seorang yang genius. Peristiwa ini menyebabkan saya berasa marah atas tindakan seorang bapa yang sanggup menjadikan anak kandung sendiri sebagai bahan uji kaji bagi mencapai impiannya.

Di samping itu, peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca ialah peristiwa Farisha dapat berkomunikasi dengan Karl apabila dua batang jarum mudah lentur keluar dari kepala kerusi dan mula mencucuk kiri dan kanan tengkuk Farisha. Peristiwa ini menyebabkan saya berasa teruja dengan kecanggihan sains dan teknologi yang ada dalam novel tersebut.

Akhir sekali, peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca ialah peristiwa apabila Karl telah meninggal dunia dan Shida tidak lagi dalam alam bawah sedar, namun Shida bersikap pelik dan mula berfalsafah seperti Karl, seolah-olah Karl kini berada di dalam tubuh Shida. Peristiwa ini menyebabkan saya berasa simpati terhadap nasib Shida yang bukan dalam keadaan normal atau bukan dalam keadaan dirinya sendiri.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya pelajari ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel tersebut, terdapat banyak peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca.

Peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca yang pertama ialah peristiwa See Hwa menggantikan Lazim yang terlibat dengan kemalangan jalan raya sebagai penari zapin dan berpasangan dengan Haiqal. Peristiwa ini meninggalkan kesan yang menggembirakan kepada pembaca kerana sebagai seorang sahabat kita perlulah membantukan rakan yang mengalami kesusahan.

Selain itu, peristiwa apabila Haiqal menziarahi pusara ayahnya dan membacakan surah Yasin dalam keadaan sebak juga merupakan peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca. Peristiwa ini meninggalkan kesan sedih kepada pembaca kerana sebagai seorang anak perlulah sentiasa mengingati ayah yang selalu merinduinya.

Di samping itu, peristiwa yang meninggalkan kesan kepada pembaca ialah peristiwa kehadiran ibu, ayah tiri serta adik tiri Haiqal yang hadir semasa persembahan Zapin D'Purnama sedang berlangsung. Peristiwa ini meninggalkan kesan gembira kepada pembaca kerana ahli keluarga menyokong apa-apa sahaja aktiviti yang digemari oleh anak.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya pelajari ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Dalam novel tersebut, terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat yang diketengahkan oleh pengarang.

Peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat yang pertama ialah peristiwa Karl yang tidak percaya akan kewujudan Tuhan, sanggup menyeksa isterinya Rusmina hanya kerana Rusmina tidak mengikut arahan Karl untuk meninggalkan agama. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat yang tidak mempercayai kewujudan Tuhan.

Selain itu, peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat dalam novel tersebut ialah peristiwa Karl, sebagai seorang ayah yang sanggup menanam beberapa implan dan berjenis-jenis ubat ke dalam tubuh anaknya, Farisha tanpa bius semasa Farisha masih kecil lagi untuk menjadikan Farisha genius dan boleh menyelesaikan masalahnya. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat yang sanggup berbuat apa-apa sahaja untuk kepentingan diri sendiri walaupun terhadap anaknya sendiri.

Di samping itu, peristiwa lain yang menggambarkan kepincangan masyarakat dalam novel tersebut ialah peristiwa Karl yang mempunyai hubungan tidak sah dengan Medina sehingga melahirkan seorang anak perempuan, iaitu Farisha. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan hidup masyarakat yang bebas bergaul sehingga melahirkan anak tanpa ikatan yang sah.

Peristiwa	Sebab
Peristiwa Farid dan Amin, iaitu orang suruhan Marilyn, sanggup melakukan tugas menculik Farisha atas arahan Marilyn.	Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat yang sanggup melakukan apa-apa kerja yang diarahkan oleh ketuanya walaupun kerja tersebut salah di sisi undang-undang.
Peristiwa Karl yang sanggup menukarkan manusia kepada cyborg dan menggantikan ingatan mereka seperti Rusmina menjadi Alia, Muhammad Irfan menjadi Khairul Anwar dan lain-lain.	Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat yang sanggup berbuat apa-apa sahaja demi ketaasuban terhadap sains dan teknologi.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya pelajari ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel tersebut, terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat yang diketengahkan oleh pengarang

Peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat yang pertama ialah peristiwa keruntuhan rumah tangga. Sebagai contoh, Abdullah bin Kayan terpaksa berpisah dengan isterinya. Rafiqah kerana isterinya tidak menyukai minatnya yang mendalam terhadap sastera. Akibat daripada perbezaan minat mereka terpaksa berpisah membawa haluan dan minat masing-masing. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat yang sanggup meruntuhkan rumah tangga sendiri akibat kecenderungan bidang yang berbeza.

Selain itu, peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat dalam novel tersebut ialah peristiwa kemiskinan hidup secara tiba-tiba akibat judi. Sebagai contoh, Tauke Ong (Tauke Lim) sekeluarga terpaksa berhijrah ke tempat lain kerana harta peninggalan ayahnya telah habis dijual oleh abangnya untuk membayar pinjaman ceti dan gila judi. Peristiwa ini menggambarkan kepincangan masyarakat yang suka berjudi sehingga menyebabkan harta pusaka tergadai.

Akhir sekali, peristiwa yang menggambarkan kepincangan masyarakat ialah peristiwa kehidupan anak yang dikongkong oleh uminya agar tidak menjejaki ayah kandungnya. Contohnya, umi Haiqai, Rafiqah sengaja mengongkong kehidupan Haiqal daripada berjumpa ayah kandungnya iaitu Abdullah bin Kayan semata-mata kerana Rafiqah tidak menyukai minat bekas suaminya itu. Peristiwa ini menunjukkan kepincangan masyarakat yang berdendam antara satu sama lain sehingga memisahkan kasih sayang antara anak dengan ayahnya.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya pelajari ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Dalam novel tersebut, terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

Peristiwa pertama yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca ialah peristiwa Azraai, abang Farisha yang memasang “retinal scanner” pada pintu apartmen Farisha ekoran keadaan keselamatan yang membimbangkan. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana setiap anggota masyarakat perlu berhati-hati dengan mengambil langkah-langkah keselamatan di kawasan persekitaran perumahan untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Selain itu, peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca setelah membaca novel tersebut ialah peristiwa Karl yang tidak pernah mengahwini Marilyn (Medina) tetapi tinggal bersama sehingga melahirkan anak tidak sah taraf iaitu Farisha. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana kita mestilah mempunyai ikatan perkahwinan yang sah untuk membina sebuah keluarga agar tiada masalah terhadap anak/zuriat kita pada masa akan datang.

Akhir sekali, peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca ialah peristiwa Karl yang sanggup menggunakan beberapa individu seperti adiknya Akeem (menjadi Aqram), isterinya Rusmina (menjadi Alia) dan budak pengemis, Muhammad Irfan (menjadi Khairul Anwar) ditukarkan kepada cyborg. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana kita tidak boleh berbuat sesuatu sesuka hati untuk memenuhi impian tanpa berperikemanusiaan.

Peristiwa	Sebab
Peristiwa Karl mengajak Rusmina supaya meninggalkan agama Islam. Karl seorang yang tidak percaya kewujudan Tuhan (ateis). Oleh sebab Rusmina menolak permintaannya itu lalu Karl memukul Rusmina sehingga cacat.	Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana sebagai seorang suami yang bertanggungjawab, kita hendaklah melindungi isteri bukannya menyeksa isteri.
Peristiwa Karl sanggup menyeksa anaknya, Farisha yang masih kecil dengan menanam pelbagai implan dan ubat untuk menjadikan anaknya itu seorang yang genius tanpa memberikan ubat bus.	Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana sebagai seorang bapa yang bertanggungjawab, kita hendaklah melindungi anak daripada sebarang kekasaran atau penganiayaan. Kita tidak boleh mempertaruhkan nyawa anak untuk mencapai kepentingan peribadi.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya pelajari ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel tersebut, terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca.

Peristiwa pertama yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca ialah peristiwa Haiqal Haqimi yang mencari surau untuk menunaikan solat Subuh sebaik sahaja sampai di stesen bas Batu Pahat pada pukul 5.30 pagi sebelum dia meneruskan perjalanan mencari Kampung Sri Purnama, Parit Raja. Peristiwa ini memberi kesedaran kerana perintah Allah itu wajib ditunaikan walau di mana-mana sahaja kita berada.

Selain itu, peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca setelah membaca novel tersebut ialah peristiwa Haiqal Hakimi yang bertekad menjejaki kehidupan lampau ayahnya dengan pergi ke Kampung Seri Purnama walaupun mendapat tentangan daripada uminya. Peristiwa ini memberi kesedaran kepada pembaca bahawa pertalian darah antara bapa dan anak tidak dapat dipisahkan dengan begitu mudah.

Akhir sekali, peristiwa yang menimbulkan kesedaran kepada pembaca ialah peristiwa penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama mengadakan pelbagai persediaan pada malam persembahan Zapin D'Purnama setelah tujuh tahun tidak aktif. Mereka memasak nasi jagung dan lauk-pauk secara bergotong-royong. Peristiwa ini memberi kesedaran pentingnya kerjasama dalam menjayakan sesuatu majlis dengan lancar.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan peristiwa yang memberikan pengajaran kepada para pembaca.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya pelajari ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Dalam novel tersebut, terdapat banyak peristiwa yang memberikan pengajaran kepada para pembaca.

Peristiwa pertama yang memberikan pengajaran kepada pembaca ialah peristiwa Farisha amat menyayangi abang angkatnya, Azraai. Azraai juga amat menyayangi adiknya sehingga dia sanggup memasang alat keselamatan di rumah Farisha untuk memastikan keselamatannya serta menyembunyikan Farisha sewaktu diburu oleh Medina. Peristiwa ini memberi pengajaran bahawa kita haruslah menyayangi anggota keluarga.

Selain itu, peristiwa yang memberikan pengajaran kepada pembaca setelah membaca novel tersebut ialah peristiwa Farisha yang merupakan seorang gadis yang sangat bijak dalam teknologi dan telah terbukti dapat menggodam sistem komputer dengan hebat. Kebijaksanaannya berpunca daripada implan yang telah dipasang di badannya sejak kecil dan pelbagai jenis ubat untuk menjadikannya genius telah dimasukkan ke dalam badannya oleh bapanya, Karl. Peristiwa ini memberi pengajaran bahawa kita haruslah mempunyai kebijaksanaan untuk menyelesaikan masalah.

Akhir sekali, peristiwa yang memberikan pengajaran kepada pembaca ialah Farisha tidak pernah menyalahkan takdir dirinya dilahirkan daripada hasil hubungan terlarang antara Karl dan Medina. Farisha sabar dalam mengharungi kehidupannya sebagai anak angkat dalam keluarga Azraai. Dia tidak berdendam dengan ayahnya, Karl yang menggunakan tubuhnya sebagai bahan uj kaji. Peristiwa ini memberi pengajaran bahawa kita haruslah tabah dalam menjalani kehidupan.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya pelajari ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel tersebut, terdapat banyak peristiwa yang memberikan pengajaran kepada para pembaca.

Peristiwa pertama yang memberikan pengajaran kepada pembaca ialah peristiwa Tauke Ong menyerahkan semua wang simpanan, hasil jualan kelapa sawit dan kebun kelapa sawit kepada Haiqal ketika Haiqal pulang ke Kampung Seri Purnama. Peristiwa ini memberi pengajaran bahawa kita hendaklah menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan.

Selain itu, peristiwa yang memberikan pengajaran kepada pembaca setelah membaca novel tersebut ialah peristiwa Cikgu Nizam tidak memberitahu sesiapa pun tentang penyakitnya. Walaupun sakit, dia tetap meneruskan tugasnya memperkembang seni budaya di kampungnya. Pengajaran dalam peristiwa ini ialah kita hendaklah tabah menghadapi dugaan Tuhan.

Akhir sekali, peristiwa yang memberikan pengajaran kepada pembaca ialah peristiwa pemuda-pemuda kampung yang bersalaman dengan semua pelanggan di Warung Wak Min sebelum duduk di meja masing-masing. Pengajaran dalam peristiwa ini ialah kita hendaklah mengamalkan budi bahasa dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan dua peristiwa yang memaparkan nilai kegigihan dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan dalam novel tersebut.

Peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan yang pertama ialah **peristiwa Farisha gigih menimba ilmu dalam bidang pengkomputeran**. Buktinya, Farisha sanggup membeli tiket yang berharga RM2,500 untuknya dan Rosman bagi menghadiri simposium di Hotel Renaissance yang dirasmikan oleh Philips Yong, Presiden Persatuan Penggodam Antarabangsa. Peristiwa ini menunjukkan kegigihan seseorang dalam menimba ilmu pengetahuan.

Selain itu, **peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan** dalam novel tersebut ialah **peristiwa Farisha gigih mengusahakan perniagaannya bersama-sama rakan kongsinya, Rosman**. Misalnya, mereka sanggup menerima projek-projek kecil untuk memastikan Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd. terus maju. Peristiwa ini menunjukkan kegigihan seseorang dalam memajukan bidang perniagaan.

Di samping itu, **peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan** dalam novel tersebut ialah **peristiwa Aqram dan Dr. Maxi gigih berusaha menjejaki Farisha untuk menyelamatkan sistem Dinara** seperti yang diamanahkan oleh Karl. Sebagai bukti, Aqram menjejaki Farisha selama sebulan dan bermula mencari Farisha di syarikat tempat lama Farisha bekerja. Dia juga menjejaki Farisha menerusi alamat e-mel, facebook dan nombor telefon tetapi semuanya telah dipadam. Akhirnya, Aqram berjaya menjejaki Farisha menerusi tempahan tiket kapal terbang. Peristiwa ini menunjukkan kegigihan dalam menyelesaikan sesuatu masalah tanpa putus asa.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan dalam novel tersebut.

Peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan yang pertama ialah **peristiwa Haiqal gigih menjejaki kehidupan arwah ayahnya**, Abdullah bin Kayan di Kampung Seri Purnama. Buktinya, Haiqal sanggup pergi ke Batu Pahat seorang diri walaupun pertama kali menjejakkan kaki ke kampung halaman ayahnya semata-mata untuk mengenali arwah ayahnya dengan lebih mendalam. Peristiwa ini menunjukkan kegigihan dalam mencari latar belakang atau sejarah keluarga.

Selain itu, **peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan** dalam novel tersebut ialah **peristiwa Haiqal gigih mempelajari tarian zapin daripada Pak Cik Bakar dan Lazim**. Sebagai contoh, Haiqal sering berlatih dengan Pak Cik Bakar dan Lazim di Balai Raya Kampung Seri Purnama. Akhirnya, Haiqal berjaya membuat persembahan tarian zapin dengan Jayanya secara berpasangan dengan Ong See Hwa. Peristiwa ini menunjukkan kegigihan dalam mempelajari kesenian dan kebudayaan warisan.

Di samping itu, **peristiwa yang menggambarkan nilai kegigihan** dalam novel tersebut ialah **peristiwa Tauke Ong yang gigih berusaha mencari rezeki untuk keluarganya**. Misalnya, Tauke Ong yang datang dari Perak ke Johor tanpa sebarang harta telah berusaha dengan gigih mencari rezeki untuk menyara kehidupannya sekeluarga. Tauke Ong gigih bekerja sebagai penoreh getah pada waktu pagi. Dia juga membeli hasil penduduk kampung seperti kelapa dan pisang pada waktu petang untuk dijual di bandar. Peristiwa ini menunjukkan kegigihan seseorang dalam mencari rezeki.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel tersebut.

Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel tersebut ialah peristiwa Farisha yang berani menerima tawaran yang berisiko tinggi. Misalnya, Farisha dan Rosman telah ditawarkan RM1.5 juta oleh Syarikat Soft Lab untuk memikul tugas sebagai jururunding dalam satu projek iaitu Dinara. Tugas mereka ialah menggodam dan mengukuhkan tiga kelompok komputer Soft Lab dalam tempoh empat minggu. Peristiwa ini menunjukkan bahawa kita perlu berani mengambil risiko bagi meningkatkan ilmu dan kepakaran.

Selain itu, peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel tersebut ialah peristiwa Farisha berani memaafkan perbuatan ayahnya, Karl yang sanggup menanam implan dan memasukkan pelbagai jenis ubat ke dalam tubuh badannya agar dirinya menjadi seorang yang bijak. Peristiwa ini menunjukkan keberanian memaafkan kesalahan orang lain akan

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel tersebut.

Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel tersebut ialah peristiwa Ai Ling berani mendeklamasikan sajak di khalayak ramai walaupun dia masih berumur tujuh tahun. Buktinya, Ai Ling mendeklamasikan sajak semasa persembahan zapin diadakan di kampungnya. Dia telah membuat persembahan di hadapan penduduk kampung dan YB Samsuri yang menjadi tetamu kehormat dalam majlis tersebut. Peristiwa ini menunjukkan bahawa keberanian membuat persembahan di khalayak bukanlah disebabkan faktor usia.

Selain itu, peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel tersebut ialah peristiwa Haiqal berani menanggung risiko. Misalnya, Haiqal berani mengambil risiko pergi ke Batu Pahat, Johor dari Terengganu seorang diri untuk menjejak sejarah hidup ayah kandungnya walaupun dia tidak pernah pergi ke sana. Di Johor juga, tidak ada sesiapa yang dikenalnya. Haiqal tetap dengan keputusannya untuk pergi ke Johor. Peristiwa ini menunjukkan bahawa keberanian seseorang terserlah apabila memiliki matlamat tersendiri walaupun terpaksa menanggung risiko di sebalik keberanian tersebut.

Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu peristiwa bagi setiap novel yang menggambarkan nilai keberanian.

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat banyak peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam kedua-dua novel tersebut.

Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel Di Sebalik Dinara ialah peristiwa keberanian Marilyn bertemu dengan Farisha. Buktinya, Marilyn berani mengarahkan Farid dan Amin menculik Farisha kerana terlalu rindu akan Farisha. Marilyn dan Farisha terpisah apabila Dr. Maxi menyerahkan Farisha kepada keluarga angkat. Selama 26 tahun Marilyn cuba mencari Farisha. Apabila Farisha sakit dan dirawat di Hospital Putrajaya, barulah Marilyn dapat berhubung dengan Farisha. Farisha berasa terdengar suara wanita memanggil namanya ketika dia sedang tidur. Marilyn pula begitu gembira kerana dapat berhubung dengan Farisha tanpa perlu menggunakan wayar atau gantian untuk menguasai Farisha.

Peristiwa yang menggambarkan nilai keberanian dalam novel Silir Daksina pula ialah peristiwa keberanian Tauke Ong meminta bantuan daripada datuk Haiqal. Buktinya, Tauke Ong berani meminta bantuan datuk Haiqal untuk menoreh getah di kebunnya ketika dia baru tiba di Kampung Seri Purnama. Dia terpaksa berbuat demikian kerana kesusahan hidup dan kesempitan wang selepas abangnya yang gemar berjudi menggadaikan tanah mendiang bapanya dan tapak rumah kediaman mereka.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan **peristiwa** yang menggambarkan **nilai bantu-membantu** yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai bantu-membantu dalam novel tersebut.

Peristiwa yang menggambarkan nilai bantu-membantu dalam novel tersebut ialah **peristiwa Cikgu Amirulnizam membantu Tauke Lim**. Buktinya, Cikgu Amirulnizam membantu Tauke Lim dengan menumpangkan anak Tauke Lim iaitu Ai Ling dan Ai Ching ke sekolah kerana kereta Tauke Lim rosak. Cikgu Amirulnizam juga telah membeli bateri kereta untuk Tauke Lim serta memasangnya sehinggalah kereta Tauke Lim dapat dihidupkan semula. Peristiwa ini menunjukkan sikap saling membantu antara masyarakat walaupun berlainan kaum.

Selain itu, nilai bantu-membantu juga dapat dilihat melalui **peristiwa ayah Cikgu Amirulnizam membantu Tauke Lim** yang berasal dari Ipoh, Perak. Tauke Lim sekeluarga telah datang ke Johor kerana semua harta bendanya telah habis digunakan untuk membayar hutang abangnya yang suka berjudi. Melihat kesusahan yang ditanggung oleh Tauke Lim, ayah Cikgu Amirulnizam telah membenarkan Tauke Lim menoreh getah di kebun getahnya dan hasilnya akan dibahagi dua. Tauke Lim juga dibenarkan membina rumah di kebun getah tersebut. Peristiwa ini menunjukkan nilai membantu seseorang yang berada dalam kesusahan.

Peristiwa lain yang menggambarkan nilai bantu-membantu dalam novel tersebut ialah **peristiwa Ong See Hwa dan Lazim yang membantu Haiqal Haqimi untuk menjejak warisan ayahnya**, Abdullah bin Kayan. Ong See Hwa dan Lazim telah membawa Haiqal ke balai raya lama. Di balai raya tersebut, Haiqal dapat melihat hasil karya ayahnya yang tersimpan di bilik bacaan. Haiqal juga dapat melihat sijil-sijil penghargaan ayahnya yang dipamerkan di balai raya tersebut. Dengan bantuan, Ong See Hwa dan Lazim, Haiqal dapat mengetahui sejarah hidup ayahnya. Dia mendapati bahawa ayahnya seorang yang hebat. Hal ini menyebabkan Haiqal berazam untuk meneruskan usaha ayahnya dalam mengembangkan seni kebudayaan dan kesusasteraan. Peristiwa ini menunjukkan sikap suka membantu akan memudahkan urusan orang lain.

Berdasarkan dua buah novel yang telah anda kaji, huraikan **satu peristiwa yang menimbulkan keinsafan** yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor dan novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat banyak peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam kedua-dua novel tersebut.

Peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam novel Di Sebalik Dinara ialah **peristiwa Farisha ditanam dengan implan dan dimasukkan pelbagai jenis ubat semasa dia masih bayi tanpa bius oleh ayah kandungnya, Karl. Karl sanggup berbuat demikian untuk menjadikan Farisha genius. Marilyn pula sanggup membunuh anaknya kerana tidak mahu anaknya menderita oleh kegilaan Karl untuk menjadi saintis yang paling hebat**. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana ibu bapa sepatutnya melindungi anak-anak dan bukannya menganiyai anak kandung mereka sendiri.

Peristiwa yang menimbulkan keinsafan kepada pembaca dalam novel Silir Daksina ialah **peristiwa Abdullah Kayan yang sanggup menumpahkan kasih sayang terhadap See Hwa dan menulis manuskrip untuk mencurahkan perasaan rindu terhadap anaknya, Haiqal. Abdullah Kayan menumpangkan See Hwa ke sekolah. Apabila melihat See Hwa, dia terbayang-bayang akan anaknya, Haiqal segak berpakaian sekolah. Abdullah Kayan tidak dapat menemui anaknya itu sehingga dia meninggal dunia**. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca tentang perasaan seorang ayah yang berjauhan dengan anak-anaknya.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Terdapat pelbagai peristiwa yang memberikan teladan kepada pembaca melalui pembacaan novel tersebut.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa pekerja Soft Lab menunaikan wasiat Karl. Misalnya, Karl meninggalkan wasiat supaya mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka. Karl meninggal dunia di rumah agamnya. Medina dan Farisha sempat bertemu dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar menjalankan amanah yang telah ditetapkan oleh majikan.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa keluarga Azraai menerima dan mendidik Farisha menjadi seorang Muslim. Buktinya, seorang bayi luar nikah (anak Karl dan Medina/Marilyn) telah diserahkan kepada keluarga Azraai oleh Doktor Maxi dan Akram untuk dibesarkan dengan selamat. Walaupun anak angkat, namun keluarga Azraai membesarkannya dengan penuh kasih sayang sebagaimana mereka membesarkan Azraai. Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar bersikap adil dalam melayani anak-anak walaupun anak itu ialah anak angkat.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat pelbagai peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca melalui pembacaan novel tersebut.

Peristiwa yang pertama ialah peristiwa Abang Saleh dan Abang Bidin menjaga kebun kelapa sawit arwah ayah Haiqal dengan penuh tanggungjawab. Buktinya, mereka mengemas kebun dengan bersih dan menyusun pelepah-pelepah sawit dengan teratur dan kemas. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kerana kita perlu menjaga dan menjalankan amanah yang telah diberikan kepada kita dengan sebaik-baiknya.

Peristiwa yang kedua ialah peristiwa datuk Haiqal telah memberikan pertolongan kepada Tauke Lim yang berada dalam kesusahan semasa dia dan keluarganya baharu berpindah ke Kampung Seri Purnama. Tauke Lim mengambil upah menoreh getah di kebun getah datuk Haiqal. Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kerana setiap manusia perlu membantu orang lain yang dalam kesusahan walaupun berlainan bangsa dan agama.

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, jelaskan peristiwa bahagian peleraian yang menarik minat pembaca.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian yang boleh menarik minat pembaca.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah **peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak**. Buktinya, Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam Karl. Ketika bertemu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana sikap Farisha yang masih ingin berjumpa dan menziarahi ayahnya, Karl walaupun ayahnya telah melakukan pelbagai keburukan kepada dirinya ketika masih kecil.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah **peristiwa terbongkarnya rahsia tentang hubungan Karl dan Marilyn**. Sebagai contoh, Marilyn yang merupakan seorang saintis telah membantu Karl membina Sistem Dinara. Kegilaan dan persaingan antara Marilyn dan Karl menyebabkan anak luar nikah mereka iaitu Farisha menjadi mangsa. Karl telah menanam berbagai-bagai implan dalam tubuh Farisha untuk menjadikannya kanak-kanak genius. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana ketaasuban terhadap sains dan teknologi menyebabkan Karl dan Medina telah bersaing antara satu sama lain. Kegilaan mereka juga menyebabkan Farisha membesar tanpa kasih sayang ibu bapa setelah dia diserahkan kepada keluarga angkat.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji di Tingkatan 5 ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat beberapa peristiwa pada bahagian peleraian yang boleh menarik minat pembaca.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang pertama ialah **peristiwa terlerainya dendam Rafiqah terhadap arwah suaminya, Abdullah bin Kayan**. Buktinya, Rafiqah sedar bahawa darah yang mengalir dalam tubuh anaknya, Haiqal Hakimi ialah darah Abdullah bin Kayan. Haiqal ingin mewujudkan Aksara setelah dia menjadi sehebat ayahnya dalam bidang seni dan sastera. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana akhirnya Rafiqah meleraikan dendamnya terhadap Abdullah bin Kayan dengan merestui minat dan kebolehan anaknya dalam bidang seni dan sastera.

Peristiwa pada bahagian peleraian yang kedua ialah **peristiwa penduduk kampung yang bekerjasama membuat persiapan untuk majlis persembahan tarian zapin**. Sebagai contoh, Haiqal dan kumpulan D'Purnama membuat latihan tarian zapin manakala penduduk kampung bekerjasama membuat persiapan majlis. Peristiwa ini menarik minat pembaca kerana penduduk kampung bekerjasama bagi menjayakan majlis yang sungguh bermakna bagi Haiqal demi merealisasikan impian ayahnya.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, jelaskan **pandangan anda terhadap pengakhiran cerita novel tersebut.**

Novel Di Sebalik Dinara

Peristiwa	Pandangan
Karl meninggal dunia	Karl memang wajar meninggal dunia sebagai pembalasan atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan/ Karl telah lama sakit. Karl tidak wajar meninggal dunia sebab Farisha baru mengetahui bahawa Karl ialah bapa kandungnya
tiba-tiba Shida bersuara Karl / Shida mengeluarkan kata-kata yang pernah Karl ucapkan kepada Farisha selepas membuang abu Karl	peristiwa ini menimbulkan rasa tertanya-tanya / risau / takut pembaca tentang apakah perkara sebenar yang berlaku / adakah Karl belum meninggal dunia?
Aqram memberitahu Farisha bahawa dia adalah ciptaan Karl	pembaca berasa terkejut akan peristiwa sebenar
Karl memberitahu bahawa dia juga mencipta Alia yang asalnya adalah isterinya (Rusmina)	pembaca berasa Karl amat zalim/jahat kerana tidak mempunyai nilai-nilai kemanusiaan kepada keluarga sendiri
Aqram menceritakan bahawa dia dan Dr. Maxi menyerahkan Farisha kepada ibu bapa Azraai demi menyelamatkannya	pembaca terkejut dan bersimpati terhadap Farisha / tidak menyangka Aqram dan Dr. Maxi ada rasa simpati kepada Farisha

Novel Silir Daksina

Peristiwa	Pandangan
Haiqal menggantikan tempat Lazim yang terlibat dengan kemalangan	pembaca berasa bangga dengan keupayaan/bakat Haiqal yang mampu berzapin
Umi, walid dan Asiyah hadir pada hari persembahan zapin	pembaca gembira dengan tindakan mereka yang menjadikan pengakhiran cerita yang gembira dan bahagia
Haiqal melanjutkan pelajaran di Bumi Kenyalang dan ingin menjejaki Ong See Hwa	pembaca gembira kerana mengharapkan terjalin hubungan antara Haiqal dan Ong See Hwa
Ratna bertunang dengan usahawan muda	pembaca terperanjat kerana menjangkakan Haiqal menjadi kekasih Ratna
Umi telah menziarahi kubur Abdulllah bin Kayan	pembaca gembira dengan kesedaran/keinsafan yang wujud pada diri umi

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan tiga **nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai kemanusiaan dalam novel tersebut.

Nilai kemanusiaan yang pertama ialah **nilai amanah**. Buktinya, Azraai amanah dalam melaksanakan janji dan surat arwah ayahnya yang mahu semua mikrochip kekal dalam badan Farisha dan Farisha mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan.

Selain itu, **nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam novel tersebut ialah **nilai kegigihan**. Sebagai contoh, Farisha gigih memajukan syarikat perunding keselamatan sistem komputer iaitu Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd. yang ditubuhkannya bersama Rosman. Mereka telah menerima tawaran projek yang lumayan di Senawang dan Soft Lab. Mereka menerima tawaran tersebut demi memajukan syarikat bersama itu.

Nilai kemanusiaan yang seterusnya ialah **nilai kebijaksanaan**. Tamsilnya, Karl bijak dalam bidang sains sehingga berjaya mencipta cyborg seperti Aqram, Alia dan Khairul Anwar yang bekerja untuknya di Soft Lab. Karl juga merupakan pengasas sistem Dinara yang diiktiraf sebagai program inovasi sains di peringkat kebangsaan.

Nilai kemanusiaan	Contoh
Nilai kegigihan	Marilyn/Medina gigih meneruskan kehidupannya walaupun ramai orang menggelarkannya wanita gila. Medina juga gigih meneruskan ciptaan sainsnya bagi menyaingi Karl, lelaki yang pernah dicintainya. Selain itu, Medina juga gigih mencari anaknya yang hilang dan diserahkan kepada keluarga angkat.
Nilai rasional	Farisha tidak terburu-buru menerima projek yang ditawarkan oleh Aqram di Hotel Renaissance walaupun diberikan bayaran yang lumayan. Dia meminta Aqram dan Dr. Maxi memberikannya sedikit masa untuk memikirkan tawaran tersebut.
Nilai kebijaksanaan	Farisha seorang gadis yang sangat bijak dalam teknologi. Kebijaksanaannya terbukti apabila dia berjaya menggodam sistem komputer dengan hebat. Kebijaksanaannya berpunca daripada implan yang telah dipasang di dalam badannya sejak kecil. Badannya juga telah dimasukkan pelbagai jenis ubat untuk menjadikannya genius oleh ayahnya, Karl.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai kemanusiaan dalam novel tersebut.

Nilai kemanusiaan yang pertama ialah **nilai keberanian**. Buktinya, Haiqal berani mengambil risiko dengan menyatakan hasratnya untuk pulang ke kampung halaman arwah ayahnya, Abdullah bin Kayan kepada uminya walaupun tindakannya itu telah menimbulkan pertengkarannya dengan umi. Haiqal tetap meneruskan hasratnya bagi menjejaki sejarah hidup arwah ayah kandungnya di Johor.

Selain itu, **nilai kemanusiaan** yang terdapat dalam novel tersebut ialah **nilai kejujuran**. Sebagai contoh, See Hwa sangat sayang akan manuskrip yang diterima daripada ayah Haiqal dengan jujur menyerahkan manuskrip tersebut kepada Haiqal untuk menunaikan amanah yang telah diwasiatkan kepadanya.

Nilai kemanusiaan yang seterusnya ialah **nilai amanah**. Tamsilnya, Tauke Ong memegang amanah ayah Haiqal dengan baik. Tauke Ong menyerahkan kebun kelapa sawit dan buku simpanan Abdullah bin Kayan (ayah Haiqal) kepada Haiqal.

Nilai kemanusiaan	Contoh
Nilai kasih sayang	<ul style="list-style-type: none"> - Walid menyayangi Haiqal walaupun Haiqal merupakan anak tirinya. Walid melayani Haiqal dengan baik dan tidak pernah membeza-bezakan kasih sayang antara Haiqal dengan adik tirinya, Nurul Asiyah. - Cikgu Amirulnizam amat menyayangi anaknya, Haiqal. Dia sering teringat akan anaknya. Apabila Cikgu Amirulnizam melihat Ai Ling, secara tidak langsung dia terkenang akan anaknya. Usia anaknya yang sebaya dengan Ai Ling menyebabkan rindunya kepada Haiqal terubat.
Nilai kegigihan	<ul style="list-style-type: none"> - Abdullah bin Kayan gigih mengembangkan tarian zapin dan kesusasteraan. Dia sanggup berkorban hingga berpisah dengan isteri dan anaknya semata-mata kecintaannya terhadap sastera dan budaya. - Haiqal gigih menghidupkan semula kumpulan zapin D’Purnama yang telah terkubur. Hasil kegigihan Haiqal, anak-anak muda di kampung Seri Purnama akhirnya bergiat dalam tarian zapin D’Purnama dan berjaya membuat persembahan sehingga mengharumkan nama kampung mereka.

Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, huraikan dua **nilai kemasyarakatan** yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai kemasyarakatan dalam novel tersebut.

Nilai kemasyarakatan yang pertama ialah **nilai bekerjasama**. Buktinya, Farisha dan Rosman bekerjasama membangunkan syarikat kongsi mereka iaitu Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd. Mereka juga bekerjasama menyelesaikan segala projek yang ditawarkan kepada syarikat mereka termasuklah projek di Soft Lab yang bernilai RM1.5 juta.

Selain itu, **nilai kemasyarakatan** yang terdapat dalam novel tersebut ialah **nilai hormat-menghormati**. Sebagai contoh, Aqram menghormati perintah ketuanya iaitu Dr. Maxi dan Karl dengan menjejaki Farisha. Aqram telah mengambil cawan yang digunakan oleh Farisha untuk membuat ujian DNA bagi memastikan Farisha ialah orang yang benar-benar dicari oleh Karl untuk menyelamatkan Dinara.

Nilai kemasyarakatan	Contoh
Nilai bekerjasama	Karl, Medina/Marilyn, Dr. Maxi dan kakitangan Soft Lab banyak menjalankan uji kaji dan penyelidikan secara bersama-sama. Melalui kerjasama tersebut, Karl berjaya mencipta manusia prototaip iaitu Alia dan Aqram.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai kemasyarakatan dalam novel tersebut.

Nilai kemasyarakatan yang pertama ialah **nilai bekerjasama**. Buktinya, penduduk kampung bekerjasama semasa berlatih tarian zapin di balai raya. Cikgu Amirulnizam mengagumi rakan-rakannya yang sama-sama belajar dan berlatih tarian zapin. Pak Haji Salam juga bersungguh-sungguh mengajar tarian zapin kepada generasi muda.

Selain itu, **nilai kemasyarakatan** yang terdapat dalam novel tersebut ialah **nilai bantu-membantu**. Sebagai contoh, ayah Cikgu Amirulnizam membantu Tauke Lim kerana berasa kasihan akan nasib Tauke Lim sekeluarga yang datang mengadu nasib di Johor. Dia telah membenarkan Tauke Lim menoreh getah di kebun getahnya dan hasilnya akan dibahagi dua. Tauke Lim juga dibenarkan membina rumah di kebun getah tersebut.

Nilai kemasyarakatan	Contoh
Nilai bekerjasama	Masyarakat kampung Seri Purnama telah bekerjasama untuk menjayakan majlis persembahan zapin sehingga majlis itu mendapat pujian daripada YB Datuk Syaiful Azizi

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan **nilai kerjasama** yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai kerjasama dalam novel tersebut.

Nilai kerjasama yang pertama ialah **nilai kerjasama dalam usaha menjayakan sesuatu pekerjaan**. Buktinya, peristiwa Aqram, Dr. Maxi dan Khairul Anwar bekerjasama untuk menyelamatkan Dinara. Dr. Maxi telah mengarahkan Aqram menjejaki Farisha untuk menggadam sistem Dinara.

Selain itu, **nilai kerjasama** yang terdapat dalam novel tersebut ialah **nilai kerjasama dalam menyelamatkan nyawa**. Sebagai contoh, Azraai bekerjasama dengan Rosman untuk menjejaki Farisha yang telah diculik oleh Medina.

Nilai kerjasama dalam memajukan sesebuah syarikat juga merupakan nilai kerjasama dalam novel tersebut. Misalnya, Farisha dan Rosman bekerjasama memajukan syarikat mereka iaitu Secured Shell Sdn. Bhd.

Nilai kerjasama	Contoh
Nilai kerjasama dalam melaksanakan kajian atau penyelidikan	Shida bekerjasama dengan Farisha untuk menyemak undang-undang dan peraturan Soft Lab.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat pelbagai peristiwa yang menggambarkan nilai kerjasama dalam novel tersebut.

Nilai kerjasama yang pertama ialah **nilai kerjasama dalam usaha menjayakan aktiviti atau program yang dirancang**. Buktinya, penduduk Kampung Seri Purnama bekerjasama membuat persiapan untuk menyambut kehadiran YB Samsuri dan pegawai Yayasan Wawasan Negeri.

Selain itu, **nilai kerjasama** yang terdapat dalam novel tersebut ialah **nilai kerjasama dalam memelihara warisan budaya**. Sebagai contoh, Haiqal bersama dengan penduduk Kampung Seri Purnama dalam usaha menghidupkan semula tarian zapin Jincat di kampung tersebut.

Nilai kerjasama yang erat dalam kalangan golongan muda juga merupakan nilai kerjasama dalam novel tersebut. Misalnya, golongan pemuda di Kampung Seri Purnama bekerjasama menyusun kerusi sebagai persiapan majlis untuk menerima kehadiran tetamu kehormat.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan **latar masyarakat penyayang** yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Dalam novel tersebut, terdapat banyak latar masyarakat penyayang yang dipaparkan oleh pengarang.

Latar masyarakat penyayang yang pertama ialah masyarakat ibu yang menyayangi anaknya. Sebagai contoh, Medina masih menyayangi anaknya yang telah lama terpisah dan berusaha untuk menghubunginya secara alam maya. Kemudian, Medina mengupah Amin dan Farid bagi menculik Farisha kerana dia amat merindui anaknya yang telah terpisah sejak kecil.

Selain itu, latar masyarakat penyayang yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat adik yang menyayangi abangnya. Buktinya, Farisha menangis apabila mendapat tahu bahawa abangnya, Azraai mengalami masalah jantung kerana Farisha sangat menyayangi abangnya walaupun mereka bukan adik-beradik kandung.

Latar masyarakat penyayang seterusnya ialah masyarakat abang yang menyayangi adiknya. Misalnya, Azraai amat menyayangi Farisha dengan memasang alat keselamatan di rumahnya. Azraai juga berusaha menyembunyikan Farisha apabila diburu oleh Medina.

Akhir sekali, latar masyarakat penyayang yang dipaparkan dalam novel tersebut ialah masyarakat yang menyayangi sahabat. Buktinya, Shida menziarahi Farisha setelah mengetahui bahawa Farisha pengsan dan dirawat di Hospital. Shida dan Rosman melawat sahabat mereka pada petang itu juga untuk mengetahui perkembangan tahap kesihatan Farisha. Shida juga perasan lebam kecil di belakang leher Farisha lalu bertanya kepada Farisha tentang perkara itu.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel tersebut, terdapat banyak latar masyarakat penyayang yang dipaparkan oleh pengarang.

Latar masyarakat penyayang yang pertama ialah masyarakat bapa yang menyayangi anaknya. Sebagai contoh, Abdullah bin Kayan menyatakan kerinduan dan kasih sayang terhadap anak kandungnya dengan meluahkan dalam manuskrip karyanya melalui watak Aiman dan Cikgu Amirulnizam.

Selain itu, latar masyarakat penyayang yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat anak yang menyayangi ayahnya. Buktinya, Haiqal amat menyayangi arwah ayahnya sehinggakan dia sanggup pergi ke kampung arwah ayahnya untuk menjejaki bekas-bekas kehidupan ayahnya itu.

Latar masyarakat penyayang seterusnya ialah masyarakat ibu yang menyayangi anaknya. Misalnya, umi melarang Haiqal ke Johor untuk mencari bapa kandungnya, Abdullah bin Kayan kerana risau akan keselamatan anaknya. Umi juga risau kerana tiada kenalan atau saudara-mara di sana. Situasi ini menyebabkan berlakunya perbalahan antara Haiqal dan umi.

Akhir sekali, latar masyarakat penyayang yang dipaparkan dalam novel tersebut ialah masyarakat yang menyayangi sesama rakan. Buktinya, disebabkan rasa sayang Ratna terhadap sahabat baiknya Haiqal, Ratna sentiasa memberikan sokongan moral kepada Haiqal ketika Haiqal berada dalam dilema untuk berhadapan dengan umi dan walid.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan **latar masyarakat berani** yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya kaji ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Dalam novel tersebut, terdapat banyak latar masyarakat berani yang dipaparkan oleh pengarang.

Latar masyarakat berani yang pertama ialah masyarakat yang berani dalam membuat keputusan. Buktinya, Farisha berani menerima kontrak yang berjumlah RM1.5 juta dari Soft Lab untuk menyelamatkan Dinara daripada mengalami kemusnahan.

Selain itu, latar masyarakat berani yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang berani dalam menghadapi risiko. Misalnya, Medina berani mengupah dua orang lelaki untuk mengekori Farisha dan abangnya hingga di Hentian Pagoh dan menculik Farisha dengan mengacukan pisau kepada abangnya supaya melepaskan Farisha pergi bersama penculik tersebut. Penculikan Farisha amat berisiko kerana berlaku di khalayak ramai dan kemungkinan penculik itu boleh dipukul atau ditangkap oleh orang ramai.

Latar masyarakat berani seterusnya ialah masyarakat yang berani dalam mempertaruhkan nyawa. Sebagai contoh, Shida berani untuk berada pada kedudukan bawah sedar bersama Karl untuk menggantikan Farisha yang hilang. Sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini pada waktu itu, kemungkinan boleh membahayakan nyawa Shida.

Latar masyarakat yang berani	Contoh
Masyarakat yang berani dalam mendapatkan bukti.	Farisha berani menggodam Dinara untuk mendapatkan bukti dalam mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh Dinara. Selain itu, Farisha juga pernah berjaya menggodam Bank Sapurba.
Masyarakat yang berani dalam mencipta teknologi.	Karl berani dalam mencipta cyborg iaitu Aqram dan Alia. Sungguhpun penciptaan Alia tidak begitu sempurna, namun keberanian Karl membatasi sifat ketakutannya dalam mencipta teknologi.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya kaji ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel tersebut, terdapat banyak latar masyarakat berani yang dipaparkan oleh pengarang.

Latar masyarakat berani yang pertama ialah masyarakat yang berani menonjolkan diri di khalayak ramai. Buktinya, Haiqal berani menonjolkan diri di khalayak ramai apabila Haiqal berani berzamin di hadapan tetamu kehormat, YB Dato Syaiful Azizi dan juga penduduk Kampung Seri Purnama semasa Majlis Perasmian Zapin D'Purnama.

Selain itu, latar masyarakat berani yang terdapat dalam novel tersebut ialah masyarakat yang berani memberi pendapat. Misalnya, Haiqal berani mengutarakan cadangannya untuk menghidupkan semula tarian zapin Kampung Seri Purnama walaupun dia baru sahaja berkenalan dengan penduduk kampung tersebut.

Latar masyarakat berani seterusnya ialah masyarakat yang berani menegakkan keputusan. Sebagai contoh, Haiqal berani menegakkan keputusannya ke Batu Pahat walaupun keputusan dibantah oleh ibunya.

Latar masyarakat yang berani	Contoh
Masyarakat yang berani mencari identiti ayah kandung seorang diri.	Haiqal berani pergi seorang diri ke Batu Pahat dengan menaiki bas walaupun tanpa sokongan Uminya dengan harapan dapat mengetahui maklumat tentang ayah kandungnya.
Masyarakat yang berani bekerjasama dengan masyarakat berlainan kaum.	Haiqal berani bekerjasama dengan masyarakat berlainan kaum seperti berani memberikan kepercayaan kepada Tauke Lim untuk menguruskan kebun getahnya.

Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu persoalan keberanian yang terdapat dalam setiap novel tersebut.

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat banyak persoalan keberanian dalam kedua-dua buah novel tersebut.

Persoalan keberanian yang terdapat dalam novel Di Sebalik Dinara ialah persoalan keberanian untuk mengetahui perkara sebenar. Buktinya, Shida berani masuk ke ruangan peribadi Farisha apabila dia masuk ke bilik Farisha. Shida terpaksa berbuat sedemikian untuk mengetahui sebab Farisha pengsan di Soft Lab. Shida telah membuka almari baju Farisha dan ternampak sebuah fail plastik yang berada di dalam almari tersebut. Shida telah membuka fail tersebut yang diikat dengan tali berwarna coklat. Shida telah menyelak satu persatu helaian di dalam fail dan berjaya mendapat maklumat tentang diri Farisha.

Persoalan keberanian yang terdapat dalam novel Silir Daksina pula ialah persoalan keberanian untuk belajar deklamasi puisi. Buktinya, Ai Ling berani meminta Cikgu Zam mengajarnya cara mendeklamasikan puisi yang betul. Hal ini dikatakan demikian kerana Ai Ling amat suka membaca buku puisi tetapi dia tidak pandai untuk bersyair. Ai Ling mahu mengembangkan bakatnya dengan menyertai pertandingan deklamasi puisi untuk murid tahap satu. Ai Ling berasa bimbang kerana pertama kali menyertai pertandingan. Ai Ling juga bimbang rakan-rakan akan mentertawakannya. Cikgu Zam bersetuju untuk mengajar Ai Ling dan meminta Ai Ling datang ke rumahnya bersama-sama kakaknya pada waktu petang.

Berdasarkan dua buah novel yang telah anda pelajari, huraikan satu pengajaran tentang keprihatinan bagi setiap novel.

Novel yang saya kaji di Tingkatan 4 ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor manakala novel di Tingkatan 5 ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Terdapat banyak pengajaran tentang keprihatinan dalam kedua-dua buah novel tersebut.

Pengajaran keprihatinan dalam novel Di Sebalik Dinara ialah kita perlulah prihatin akan keselamatan keluarga agar keselamatan mereka terjamin. Buktinya, Azraai prihatin akan keselamatan Farisha apabila dia memasang 'retinal scanner' di rumah Farisha supaya tidak berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini walaupun Farisha hanyalah adik angkatnya.

Pengajaran keprihatinan dalam novel Silir Daksina pula ialah kita mestilah prihatin akan keperluan anak-anak agar mereka berasa disayangi. Buktinya, Abdul Fatah atau walid memberikan wang kepada anak tirinya, Haiqal yang akan ke Batu Pahat. Walaupun hanya ayah tiri, namun Walid tetap memberikan kata-kata semangat kepada Haiqal. Walid memahami keputusan Haiqal untuk menjejaki ayahnya, Abdullah Kayan.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, jelaskan **pengajaran tentang tanggungjawab** yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya pelajari ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Dalam novel tersebut, terdapat banyak pengajaran tentang tanggungjawab yang ditonjolkan oleh pengarang.

Pengajaran tentang tanggungjawab yang pertama ialah **kita hendaklah bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kebajikan adik-beradik**. Buktinya, Azraai seorang abang yang bertanggungjawab kerana dia selalu mengambil berat dan memantau pergerakan adiknya, Farisha. Dia juga memasang alat kawalan keselamatan atau pengimbas retina di apartmen Farisha. Dia juga selalu menjadi tempat rujukan adiknya untuk banyak perkara.

Di samping itu, pengajaran tentang tanggungjawab dalam novel tersebut ialah **kita hendaklah bertanggungjawab terhadap pekerjaan**. Misalnya, dengan rasa tanggungjawab, Karl bangun dan bertindak melalui komputer untuk menghapuskan virus dalam Dinara walaupun dalam keadaan sakit. Hal ini demikian kerana Dinara ialah hasil usahanya selama bertahun-tahun.

Selain itu, **kita haruslah bertanggungjawab memegang amanah** merupakan pengajaran tentang tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut. Sebagai contoh, Azraai seorang anak yang bertanggungjawab dengan berusaha memastikan mikrocip di dalam tubuh Farisha kekal bagi memenuhi amanah ibu bapanya. Azraai sanggup berbohong kepada doktor dengan mengatakan bahawa mikrocip dalam badan Farisha yang kelihatan di CT Scan adalah dalam pengetahuan dan atas kerelaan diri sendiri untuk dijadikan bahan uji kaji.

Akhir sekali, pengajaran tentang tanggungjawab ialah **kita hendaklah bertanggungjawab terhadap anak-anak**. Buktinya, Medina berusaha mencari anak kandungnya, Farisha kerana ingin menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang ibu sehingga sanggup menculik Farisha di lebuhraya.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya pelajari ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Dalam novel tersebut, terdapat banyak pengajaran tentang tanggungjawab yang ditonjolkan oleh pengarang.

Pengajaran tentang tanggungjawab yang pertama ialah **kita hendaklah bertanggungjawab terhadap pekerjaan**. Buktinya, Cikgu Zam bertanggungjawab menyemak minit mesyuarat Panitia Bahasa Melayu dengan teliti dan memastikan guru-guru Bahasa Melayu melaksanakan tugas dengan baik dalam pertandingan cerpen dan puisi.

Di samping itu, pengajaran tentang tanggungjawab dalam novel tersebut ialah **kita hendaklah bertanggungjawab dalam menunaikan amanah**. Sebagai contoh, Tauke Ong bertanggungjawab menyerahkan buku bank yang dibuka atas nama Haiqal dan hasil kebun getah serta kelapa sawit milik arwah ayahnya yang diamanahkan kepada Haiqal.

Selain itu, **kita hendaklah bertanggungjawab mencari rezeki untuk keluarga** merupakan pengajaran tentang tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut. Misalnya, sebagai seorang ayah yang bertanggungjawab, Tauke Ong mencari rezeki dengan menoreh getah pada waktu pagi, sementara pada waktu petang dia meraih hasil tani penduduk kampung untuk dijual di bandar bagi menyara keluarganya.

Akhir sekali, pengajaran tentang tanggungjawab ialah **kita hendaklah bertanggungjawab menunaikan hasrat bapa**. Buktinya, sebagai seorang anak yang bertanggungjawab, Haiqal mengambil keputusan untuk pergi ke kampung halaman arwah ayah kandungnya, Abdullah bin Kayan bagi melaksanakan impian menghidupkan semula AKSARA di Kampung Seri Purnama.

Berdasarkan sebuah novel yang telah anda pelajari, huraikan **cara watak utama menyelesaikan konflik yang dihadapinya**.

Novel Di Sebalik Dinara

Novel yang saya pelajari ialah novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor. Watak utama dalam novel tersebut ialah Farisha. Pelbagai konflik telah dihadapinya. Namun, dia berjaya menyelesaikan setiap konflik yang dihadapinya.

Konflik yang pertama ialah **konflik dalaman Farisha untuk menerima tawaran kerja di Soft Lab melalui Dr. Maxi**. Hal ini demikian kerana Farisha berasa ragu-ragu dengan tawaran kerja daripada Dr. Maxi yang bernilai RM1.5 juta dan hatinya terdetik bagaikan ada sesuatu yang tidak kena. Dia meminta sedikit masa untuk berfikir. Farisha menyelesaikan konflik tersebut dengan berbincang dan meminta pandangan daripada abangnya, Azraai. Farisha akhirnya bersetuju setelah Azraai bersungguh-sungguh memintanya menerima tawaran tersebut.

Selain itu, konflik yang dihadapi oleh watak utama dalam novel tersebut ialah **konflik Farisha tidak dapat masuk ke rumahnya apabila dipasang 'retinal scanner'**. Cara Farisha menyelesaikan konflik ini ialah Farisha terpaksa menelefon kawannya, Shida yang sedang bermain skuasy dengan JUJU untuk membuka pintu rumahnya supaya Farisha dapat pulang ke rumah mereka.

Akhir sekali, **konflik menghadapi kebenaran diri sebagai anak angkat** turut merupakan konflik yang dihadapi oleh Farisha. Farisha berasa sedih apabila mengetahui bahawa dirinya hanyalah anak angkat kepada keluarga Azraai. Farisha berasa sangat sedih dan menangis semalaman. Farisha menyelesaikan konflik ini dengan tabah menghadapi situasi tersebut. Dia meminta Azraai bercerita lebih lanjut tentang ibu bapa kandungnya.

Novel Silir Daksina

Novel yang saya pelajari ialah novel Silir Daksina karya Nizar Parman. Watak utama dalam novel tersebut ialah Haiqal. Pelbagai konflik telah dihadapinya. Namun, dia berjaya menyelesaikan setiap konflik yang dihadapinya.

Konflik yang pertama ialah **konflik dalam diri Haiqal** iaitu Haiqal tertanya-tanya tentang ayah kandungnya, Abdullah Kayan tetapi uminya tidak mahu memberitahu apa-apa tentang ayahnya. Haiqal menyelesaikan konflik ini dengan mengambil keputusan yang nekad untuk pergi ke kampung ayahnya bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan ayahnya.

Selain itu, konflik yang dihadapi oleh watak utama dalam novel tersebut ialah **konflik Haiqal dengan uminya**. Konflik berlaku apabila Haiqal menyuarakan hasratnya untuk ke Johor kepada uminya. Uminya membantah hasrat Haiqal kerana tiada sesiapa yang dikenalnya di situ dan mengugut untuk tidak memberikan wang belanja kepada Haiqal. Cara Haiqal menyelesaikan konflik ini ialah Haiqal tetap berkeras untuk pergi ke Johor setelah mendapat kebenaran daripada walid yang berjanji untuk memasukkan wang ke dalam akaunnya.

Akhir sekali, **konflik Haiqal dalam usaha menjayakan satu majlis persembahan tarian zapin yang ditinggalkan oleh arwah ayahnya apabila ketiadaan penari utama** turut merupakan konflik yang dihadapi oleh Haiqal. Konflik ini terjadi kerana Lazim iaitu pasangan Haiqal untuk membuat persembahan zapin jincat terlibat dalam kemalangan menyebabkan Haiqal terpaksa mencari penari zapin yang lain. Haiqal menyelesaikan konflik ini dengan memujuk Ong See Hwa untuk menari bersama-samanya dalam satu majlis. Ternyata See Hwa mahir menari zapin. Akhirnya, terjawablah persoalan bahawa sebenarnya Swee Hwa merupakan orang yang dicari-carinya selama ini bagi menggantikan Lazim.